

# Pembiayaan kumpulan pengganas

**K**EPERLUAN utama kumpulan pengganas selain sumber manusia dan senjata adalah sumber kewangan yang kukuh kerana proses merekrut, latihan, pergerakan, makan minum, senjata, bahan letupan serta gaji melibatkan wang.

Contohnya, Kumpulan Abu Sayaf boleh bertahan apabila berjaya mengaut wang tebusan melebihi RM30.3 juta daripada aktiviti penculikan sepanjang enam bulan pertama 2016 untuk 18 orang tebusan. Di Malaysia, Daesh masih mendapat sambutan kerana mendapat pembiayaan daripada penyokong dan mereka yang bersimpati.

Pada peringkat individu, kebiasaannya ahli memberi 'infaq', iaitu sebahagian gaji bulanan melalui saluran tertentu sebelum sampai kepada kumpulan pengganas. Kajian menunjukkan banyak kumpulan yang bersimpati menyumbangkan pendapatan sendiri kepada militan Daesh di Syria-Iraq sebagai sokongan untuk memperkukuh dana kumpulan berkenaan.

Kajian juga menunjukkan terdapat penyokong menyalurkan wang melalui Western Union secara kerap untuk membantu rakan pengganas mereka di negara luar. Pada peringkat projek, kumpulan pengganas menjual 'pakej pelancongan palsu' untuk mengelirukan agensi keselamatan dalam mendapatkan wang.

Malah ada yang mengutip derma untuk sekolah atau projek tertentu tetapi sumbangan orang ramai masuk ke akaun peribadi mereka. Daripada bersimpati dengan kumpulan pengganas, adalah lebih baik rakyat Malaysia membantu fakir miskin, anak yatim dan ribuan ibu tunggal di Malaysia.

## ELAK DARIPADA TERJEBAK

Dalam masa yang sama,

## ibrah

Oleh PROF. MADYA DR. MOHD HIZAM HANAFIAH

Sarjana Pelawat, The Wharton School, University of Pennsylvania, AS  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Penulis buku 'Bahaya ISIS (DAESH)'



rakyat Malaysia seharusnya lebih berhati-hati apabila menderma untuk projek kebajikan tertentu, dikhuatiri sumbangan mereka jatuh ke tangan kumpulan pengganas dan mereka boleh ditahan atau didakwa bawah Akta 613 (AMLA 2001) dan pelbagai subseksyen dalam Seksyen 130 Kanun Keseksaan (selain POCA 1959, POTA 2015, dan SOSMA 2015).

Pada peringkat antarabangsa, pembiayaan kumpulan pengganas dilakukan melalui transaksi elektronik antara bank, cek, orang dipercayai membawa tunai, kegiatan perdagangan palsu, jaringan pengurusan wang, selain operasi perniagaan yang sah.

Kini, Sistem Hawala yang beroperasi di luar sistem kewangan semasa merupakan kaedah popular digunakan pengganas. Ketiadaan bukti berdokumen, kepantasan perpindahan dan kos rendah merupakan kelebihan sistem ini.

Mohamed al-Owhali, salah seorang pengebom bunuh diri di Nairobi, pengeboman kereta api Mumbai pada Julai 2006 dan perpindahan wang dari Sweden ke militan di Iraq contohnya dibiayai menggunakan sistem ini. Malah, terdapat syarikat tertentu di Asia Barat yang memindahkan lebih AS\$26 juta (RM115.18 juta) kepada kumpulan pengganas. Selain itu, Dubai sebagai antara pusat kewangan dunia turut digunakan kumpulan pengganas untuk pelbagai aktiviti 'halal' dan haram.



KUMPULAN militan Abu Sayaf tidak gentar membuat ancaman terhadap mana-mana pihak termasuk melakukan penculikan dan serangan. - GAMBAR HIASAN

Laporan memaparkan militan Syiah dan keluarga militan Syiah terbunuh di Syria dibayar gaji dan diberikan sagu hati oleh pihak luar."

## WASPADA DENGAN TAKTIK LICIK

Pada peringkat institusi, terdapat bank di Asia Barat yang terlibat dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menjadi 'clandestine organization' (organisasi rahsia) dalam membiayai kegiatan pengganas di beberapa buah negara. Terdapat bank di Asia Barat terlibat membiayai kegiatan


pengganas di Kenya, Tanzania, dan Chechnya.

Dalam masa yang sama, wujud bank atau syarikat ditubuhkan di Bahamas atau Cayman Islands yang mempunyai hubungan dengan lebih 60 NGO dan perniagaan berkaitan dengan kumpulan pengganas.

Di samping itu, badan kebajikan, yayasan dan pertubuhan kemanusiaan merupakan antara kaedah kumpulan pengganas mendapatkan pembiayaan. NGO dalam dan luar Malaysia boleh digunakan untuk menyalurkan pembiayaan ke dalam atau luar negara melalui pelbagai aktiviti. Terdapat rakyat Malaysia yang mengikuti NGO dalam misi kemanusiaan, kemudiannya menyertai kumpulan militan sebelum ditangkap apabila pulang ke Malaysia.

Laporan menunjukkan terdapat NGO dari Arab Saudi, Qatar dan Kuwait yang menawarkan dana dan bantuan untuk sesiapa pergi 'berjihad'

Agensi kerajaan dan NGO Malaysia perlu berhati-hati apabila bekerjasama dengan NGO Asia Barat supaya tidak dipergunakan secara tidak langsung untuk membenarkan kemasukan pendakwah asing dengan fahaman pelampau, mengembangkan ideologi pengganas dan mengelakkan terjebak dengan sebarang kegiatan pengganas.



di Syria-Iraq. Terdapat NGO Salafi Wahabi yang membiayai kumpulan pengganas di Bosnia, Somalia, Daghestan dan al-Qaeda di Asia Tenggara.

Lebih mendukacitakan apabila kumpulan tertentu di negara Asia Tengah yang mendapat dana dari NGO Salafi Wahabi untuk membina madrasah dan masjid tetapi kemudiannya turut dibantu NGO ini untuk melancarkan pemberontakan bersenjata terhadap pemerintah sedia ada.

Di negara lain di Asia Tengah

juga, kumpulan pemberontak dibiayai dan dibekalkan senjata oleh NGO Salafi Wahabi. Di Eropah, wujud misi bantuan anak yatim oleh NGO Salafi Wahabi di sebuah negara yang digunakan untuk membiayai pertubuhan pengganas dan merancang serangan ke atas negara tertentu.

Dalam pada itu, ancaman pertubuhan berorientasikan Syiah perlu diambil kira. Laporan memaparkan militan Syiah dan keluarga militan Syiah terbunuh di Syria dibayar gaji dan diberikan saguhati oleh pihak luar. Malah penduduk Syiah di Syria dibayar oleh pihak luar untuk menetap di kawasan tertentu seperti di Nubl dan Al-Zahraa.

## PIHAK BERKUASA PERLU AGRESIF

Memandangkan ancaman keganasan semakin bertambah, pihak kerajaan disarankan memantau, meningkatkan risikan dan pengintipan terhadap:

Bekas tahanan militan di dalam dan luar negara yang dikhuatiri menggunakan operasi bank asing di Malaysia.

Syarikat, pertubuhan di Malaysia yang berdaftar di Bahamas dan Cayman Islands.

Pelbagai jenis transaksi pemindahan wang ke dalam atau luar Malaysia.

Operasi di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

Semuanya penting bagi mengelakkan Malaysia menjadi 'pusat transit' aktiviti pengganas. Pemantauan NGO dari Asia Barat penting kerana NGO ini sebenarnya merupakan clandestine organization, berselindung di sebalik aktiviti dakwah dan kebajikan tetapi menyebarkan fahaman pelampau dan membiayai kumpulan pengganas.